



POLISI OPERASI

UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL KOTA MARUDU

Disediakan Oleh :

Nama : Paul Maison

Jawatan : Penolong Pegawai Perubatan Gred U32

Tarikh : 8/5/2019.

Diseahkan,

DR. LYDIARITA M. MARAJIN
PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL KOTA MARUDU
NO. MMC: 51398

8/5/19

Skop Perkhidmatan

Memberi dan menyediakan perkhidmatan kepada pesakit yang menghidapi penyakit “Chronic Kidney Disease Stage 5” seperti berikut :-

- Menjalankan rawatan hemodialisis mengikut shift yang ditetapkan
- Menjalankan rawatan kecemasan hemodialisis jika diperlukan atas arahan doctor jadual ‘on call staf’ ada disediakan.
- Membantu menjalankan Pre-Renal Transplant work-up dan selepas menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang dilakukan.
- Membantu Unit CAPD memantau pesakit yang menjalani rawatan CAPD selepas dicaj daripada Queen Elizabeth hospital Kota Kinabalu bila diperlukan.
- Mengendalikan klinik lawatan Pakar Nefrologi mengikut jadual yang disediakan.

Objektif Perkhidmatan

- Memberikan perkhidmatan rawatan hemodialisis kepada pesakit yang disahkan menghidapi kegagalan buah pinggang peringkat akhir.
- Membuat pre-renal transplant (work-out) : arahan pakar Nefrologi, sebagai langkah awal persediaan sebelum menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang.
- Memberi perkhidmatan rawatan ‘kecemasan hemodialisis’ kepada kes-kes kecemasan seperti ‘fluid overload’ dan ‘hyperkalemia’ mengikut arahan Nefrologist “On-Call”.
- Memastikan rawatan hemodialisis yang diberikan kepada pesakit kegagalan buah pinggang peringkat akhir adalah selamat dan mengikut amalan perawatan renal yang diiktiraf oleh golongan profesional.

Visi

Untuk menjadikan unit Hemodialisis Hospital Kota Marudu yang komited dalam menyediakan perkhidmatan rawatan Hemodialisis yang selamat dan berkualiti di Zon Pantai Barat Utara.

Misi

Visi unit Hemodialisis Hospital Kota Marudu akan dapat direalisasikan melalui:

- Penyediaan fasiliti yang lengkap, sesuai, selamat dan terkini.
- Mengamalkan sifat profesionalisme, semangat berpasukan dan penyayang serta bersifat inovasi dan kreatif.

Piagam Pelanggan

- Setiap pesakit akan dilayan dengan mesra dan bersopan santun.
- Setiap pesakit akan didaftarkan dalam masa 15 minit.
- Setiap pesakit akan menjalani rawatan hemodialisis sekurang-kurangnya 4 jam setiap kali rawatan.
- Masa menunggu rawatan hemodialisis tidak melebihi 60 minit dari masa yang ditetapkan.

POLISI UNIT HEMODIALISIS

1. MASA OPERASI

1.1. Waktu bekerja untuk masa pejabat adalah:-

- Hari bekerja penuh (Isnin – Khamis):
 - Jam 8:00 pagi – 5:00 petang.
 - Waktu rehat: Jam 1:00 petang – 2:00 petang.
- Hari Jumaat:
 - Waktu rehat: Jam 11:30 pagi – 2:00 petang.

1.2. Waktu bekerja untuk kakitangan yang bukan bertugas waktu masa pejabat pula dibahagikan kepada dua syif iaitu:-

Syft Paggi	Jam 7:00 pagi – 2:00 petang
Syft Petang	Jam 2:00 petang – 9:00 malam

Jadual A: Jadual waktu bekerja syif.

1.3. Memberi rawatan hemodialisis dari hari Isnin hingga Sabtu termasuk Hari Kelepasan Am.

1.4. Unit Hemodialisis akan ditutup pada hari Ahad.

1.5. Bertugas atas panggilan (oncall) mengikut jadual yang ditetapkan.

1.6. Memberi rawatan selama 4 jam sekali rawatan / sesi.

1.7. Waktu sesi rawatan untuk pesakit dialisis HKM dibahagikan kepada tiga sesi rawatan seperti *Jadual B*.

Perkara	Masa
Sesi Pertama	Jam 7:00 pagi – 11:00 pagi
Sesi Kedua	Jam 11:30 pagi – 3:30 petang
Sesi Ketiga	Jam 4:00 petang – 8:00 malam

Jadual B: Sesi rawatan pesakit.

2. CAJ RAWATAN

2.1. Pesakit akan dikenakan bayaran rawatan berpandukan kepada “Fees (Medical) Act 1982”.

2.2. Pesakit akan membuat pembayaran di kaunter Unit Hasil HKM.

3. KEMUDAHAN

3.1. Bilik Rawatan Dialisis

- Kawasan yang mencukupi untuk menempatkan mesin dan kerusi hemodialisis dan pada amnya keluasan tidak kurang 4.5 meter persegi setiap pesakit.

3.2. Bilik Rawatan Air

- Berasingan dengan bilik rawatan. Air yang telah dirawat disalurkan kepada tiap-tiap mesin.

3.3. Reprocessing Room

- Diasingkan daripada bilik rawatan hemodialisis.

3.4. Bilik Pengasingan Hep C

- Dikhaskan untuk pesakit yang mempunyai status serology positif HCV (Hepatitis C) sahaja.
- Pengendalian pesakit adalah mengikut standard Percaution.
- Peraturan dan garis panduan perlu dipatuhi seperti "Policies and procedure on infection control version 2010" dan "Disinfection and sterilization policy and practice, Ministry of Health" fourth edition 2002.

4. PERALATAN

4.1. Mesin Hemodialisis

- Mesin-mesin hemodialisis adalah yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti mempunyai sistem penggera audio dan visual.

4.2. Reverse Osmosis System

- Menghasilkan air yang menepati standard (AAMI RD62:2006) yang ditetapkan oleh "Association for the Advancement of Medical Instrumentation (AAMI).
- Pemeriksaan kualiti air untuk analisis kimia dilakukan secara berkala iaitu setiap enam (6) bulan sekali.
- Ujian endotoxin dilakukan setiap bulan.

4.3. "Automated Dialyser Reprocessor"

- Diasingkan “Negative site” dengan “Isolation room”.

4.4. Dialyzer

- Jenis “Biocompatible Synthetic membrane dialyzers”.
- Reprocesses dengan menggunakan Automated Dialyser Reprocessor.
- Penggunaan maksimum jenis “Biocompatible Synthetic membrane dialyzers” adalah sebanyak 12 kali jika “fiber Bundle Volume” (FBV) > 80%.
- Penggunaan secara “Single Use” bagi pesakit yang baru “transfer in” sehingga status serologi di ketahui atau patient transit.

5. KAKITANGAN

- 5.1. Semua kakitangan paramedik (Penolong Pegawai Perubatan/ Jururawat) mesti telah mengikuti Kursus Pos Basik (Perawatan Renal).
- 5.2. Jika ada kakitangan paramedik yang tidak mempunyai Kursus Perawatan Renal, tugas-tugas mereka adalah dibawah penyeliaan kakitangan yang terlatih (mempunyai Kursus Perawatan Renal).
- 5.3. Segala tugas-tugas Pembantu Perawatan Kesihatan adalah di bawah penyeliaan dan pengawasan paramedik.

6. SARINGAN

- 6.1. Kakitangan yang akan di tempatkan di unit ini terlebih dahulu wajib menjalankan ujian saringan HBsAg, anti-HBsAg, HCV dan HIV.
- 6.2. Staf yang Hep B positif, Hep C positif atau HIV positif tidak boleh bertugas di Unit Hemodialisis.

7. PERKHIDMATAN

- 7.1. Memberi perkhidmatan kaunseling kepada pesakit yang disahkan menghidapi kegagalan buah pinggang mengenai “Renal Replacement Theraphy” (RRT).
- 7.2. Pesakit bukan warganegara adalah tidak layak menerima rawatan dialisis.
- 7.3. Hanya memberikan perkhidmatan rawatan hemodialisis kepada pesakit kronik dan akut (bila perlu atau atas arahan doktor) sahaja.
- 7.4. Setiap pesakit akan di periksa dan dinilai oleh pakar Nephrologist setiap 3 bulan mengikut tarikh lawatan Nephrologist yang tersedia.
- 7.5. Ujian darah akan dilakukan setiap 3 bulan dan mengikut jadual pengambilan atau atas arahan doktor.
- 7.6. Pesakit baru akan diambil status serologi dan kumpulan darah sebelum memulakan rawatan pertama di unit ini.
- 7.7. Rawatan hemodialisis tiga (3) kali seminggu : satu sesi rawatan sekurang-kurangnya empat (4) jam.
- 7.8. Pesakit yang mempunyai masalah tertentu boleh menjalani rawatan hemodialisis lebih kerap, mengikut arahan Nephrologist.
- 7.9. “Dialysis adequacy” bagi seorang pesakit dianggarkan tiga (3) bulan sekali (Kt/v mestilah mencapai 1.2).

8. PENGASINGAN

- 8.1. Pesakit-pesakit HepC+ve menerima rawatan berasingan dengan pesakit-pesakit lain (ditempatkan dalam Bilik Pengasingan).

9. REKOD PERUBATAN PESAKIT UNIT HEMODILISIS

9.1. Nota perubatan pesakit yang berkaitan dengan rawatan hemodialisis sahaja di simpan dalam kabinet besi berkunci.

9.2. Setiap fail nota perubatan akan dikembalikan ke unit rekod apabila tidak diperlukan lagi:-

- Pesakit yang telah berpindah ke hospital lain.
- Pesakit telah meninggal dunia.

9.3. Rekod pergerakan fail nota perubatan pesakit ke dalam buku yang disediakan.

10. PEMILIHAN PESAKIT

10.1. Kemasukan pesakit ke unit hemodialisis bergantung kepada kekosongan dan keputusan pakar Nefrologi, mengikut kriteria seperti berikut:

- Kedudukan pesakit dalam senarai menunggu (pesakit yang terdahulu menerima rawatan hemodialisis akan diutamakan)
- Pesakit-pesakit kakitangan kerajaan di bawah perintah Am (Bab F) sekiranya ada kekosongan.

11. KAWALAN INFEKSI

11.1. Standard percaution sentiasa diamalkan bagi mengelakan infeksi merebak terutama sekali merawat kes-kes berjangkit.

11.2. Peraturan dan garis panduan perlu dipatuhi seperti "Policies and procedure on infection control version 2010" dan "Disinfection and sterilization policy and practice, Ministry of Health" fourth edition 2002.

13. KESELAMATAN

- 13.1. Pihak unit hemodialisis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan harta dan barang kepunyaan pesakit. Oleh itu pesakit/ waris dinasihatkan tidak membawa sebarang barang/ harta berharga semasa berada di hospital.